

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

HLT 404 - Persepsi Seni

Tarikh: 30 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari.
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan.

1. "Seni dikatakan sebagai mewujudkan reaksi estetika." Huraikan pendapat ini.
2. "Kebanyakan benda-benda yang kita takrifkan sebagai karya seni sekarang, pada suatu masa dahulu digunakan sebagai benda harian." Merujuk kepada contoh-contoh tertentu bincangkan pendapat ini.
3. Apakah itu gaya dan bagaimanakah ia digunakan untuk mengklasifikasikan seni.
4. Komposisi merupakan unsur yang terpenting dalam seni. Bincangkan bagaimana pelukis, koreographer, dan ahli muzik menggunakannya dalam pengkaryaan mereka. Nyatakan juga persamaan dan perbezaan proses ini di kalangan mereka.
5. Bincangkan sikap di dalam Islam terhadap seni dan bagaimanakah sikap ini mempengaruhi pengkaryaan seni dalam Islam.
6. Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan aspek-aspek bentuk, struktur dan estetika dalam persembahan teater tradisi Melayu.
7. Realiti merupakan landasan asas bagi garapan seniman. Merujuk kepada sama ada seni halus atau seni teater (tari atau drama), bincangkan kenyataan ini dengan menumpu perhatian kepada lapisan realiti dan bagaimana ia ditukarjelma (transformed) dalam karya-karya seniman.